

TARIKH	16 / 06 / 2014	SEKSYEN	PENDIDIKAN
MUKA SURAT	10 15	RUANGAN	

TH Besut rai ahli Kelab TaHa

Jertih: Seminar Bimbingan Peperiksaan TH-BH di Sekolah Kebangsaan (SK) Permaisuri Nur Zahirah turut mendapat sambutan menggalakkan daripada calon UPSR sekitar daerah Besut.

Pengurus Cawangan TH Besut, Wan Nor Salasiah Wan Noh, berkata ini adalah julung kali cawangan itu berpeluang menganjurkan program berkenaan yang memanfaatkan ahli Kelab TaHa di daerah terbatas.

Memperkemas persiapan
"Ini antara sumbangan Kelab TaHa kepada komuniti di sini bagi membantu calon UPSR memperkemas persiapan mereka menghadapi peperiksaan tidak lama lagi.

"Peluang bermanfaat seumpama ini wajar diberikan secara berterusan dan kami di sini bersedia menganjurkannya asalkan ia membawa kebaikan kepada pemegang akaun TH," katanya.



Calon dari sekitar Besut bersemangat mengikuti Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014.



Kami di sini bersedia menganjurkannya, asalkan ia membawa kebaikan kepada pemegang akaun TH"

Wan Nor Salasiah
Wan Noh,
Pengurus Cawangan TH
Besut